

SOROTAN LITERATUR KAJIAN PENENTUAN HAD KIFAYAH DI MALAYSIA

Azman Ab Rahmanⁱ, Muhd Faiz Abd. Shakorⁱⁱ, Mohamad Anwar Zakariaⁱⁱⁱ & Nurul Shazwani Nordin^{iv}, Nur Ain Syafiqah Rahmat^v

ⁱ Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, faizshakorkisas@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, anwarzakaria8055@gmail.com

^{iv} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, waninordin.work@gmail.com

^v Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, ainrahmat@gmail.com

ABSTRAK

Zakat merupakan sumber ekonomi umat Islam dalam membantu masyarakat khususnya golongan bawahan. Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif dapat meningkatkan ekonomi masyarakat. Kaedah pengurusan zakat di Malaysia telah menyelesaikan beberapa isu kemiskinan yang melanda dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia, namun jumlah penerima golongan asnaf fakir dan miskin masih dilihat terus meningkat saban tahun sehingga menggusar pengurusan zakat di Malaysia. Hal ini disebabkan beberapa faktor dalam penilaian kaedah agihan zakat yang memerlukan kepada penentuan taksiran had kifayah yang lebih berstruktur dan lebih tepat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kajian-kajian lepas berkaitan penetapan had kifayah di Malaysia. Kajian ini juga menganalisis sorotan literatur dalam kaedah penetapan had kifayah yang dilaksanakan di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan kaedah pemerhatian dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai item dalam penentuan had kifayah yang dilaksanakan oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri. Justeru, keperluan terhadap standard item had kifayah baru perlu dibangunkan sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Implikasi kajian ini boleh dijadikan panduan kepada institusi-institusi zakat dalam menjalankan kajian yang lebih mendalam berkaitan taksiran had kifayah zakat di setiap negeri. Kajian lanjutan perlu dilakukan dalam pembinaan standard item had kifayah yang baharu kepada JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri dalam memperkasa institusi-institusi zakat di Malaysia supaya isu membasmikan kemiskinan dalam kalangan masyarakat dapat direalisasikan.

Kata Kunci: Penentuan, Had Kifayah

PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib dilaksanakan oleh kesemua umat Islam yang memenuhi ciri-ciri yang telah digariskan oleh syarak. Kewajipan berzakat adalah sangat penting sehingga sama pentingnya dengan kewajipan menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Hal ini kerana perintah menunaikan zakat sering kali diikat dengan perintah mendirikan solat di kebanyakan tempat dalam al-Quran seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَطْهُرُوا الْمَرْكُوْنَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْكَعْدِينَ ٤٣

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.” (al-Baqarah 2:43)

Zakat juga merupakan satu daripada latihan moral kepada umat Islam supaya sentiasa mengerjakan amal soleh dan melakukan kebajikan dengan harta mereka. Zakat memastikan bahawa harta tidak hanya terkumpul dalam kalangan orang kaya sahaja tetapi seharusnya disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda ketika mengutuskan Muadz bin Jabbal RA ke negeri Yaman:

فَإِنْ هُنْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ فَنَرَدُ فِي فُقَرَائِهِمْ،

Maksudnya: "... *Jika mereka mentaatimu untuk itu (mendirikan solat), maka terangkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka untuk mengeluarkan zakat yang dipungut dari orang-orang kaya di antara mereka untuk diberikan kepada orang-orang yang fakir dari mereka.*" (H.R Muslim Kitab Iman; hadis 16)

Oleh yang demikian, wajib bagi orang-orang yang telah dilebihkan oleh Allah pada rezekinya untuk mengeluarkan sebahagian daripada hartanya dan diberikan kepada orang-orang yang fakir, miskin serta asnaf-asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah.

Zakat dalam Islam terbahagi kepada dua kategori iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah adalah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan serta ditunaikan pada sepanjang bulan Ramadhan sehingga terbenamnya matahari satu syawal. Manakala zakat harta pula adalah zakat yang diwajibkan kepada umat Islam ke atas harta mereka yang tertentu dengan syarat-syarat tertentu mengikut kadar-kadar tertentu dan diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak.

Zakat harta terbahagi kepada beberapa kategori yang utama iaitu zakat perniagaan, pertanian, penternakan, harta karun serta zakat emas dan perak. Zakat pendapatan secara umumnya adalah salah satu jenis zakat harta yang difardhukan ke atas umat Islam yang diambil daripada hasil pengajian kerana ianya termasuk dalam zakat perniagaan (JAKIM 2015). Kadar zakat pendapatan yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada keseluruhan pendapatan (JAKIM 2015).

Perbezaan antara mereka yang wajib mengeluarkan zakat dan berhak menerima zakat adalah bergantung kepada had kifayah. Barangsiapa yang pendapatannya melebihi had kifayah, maka perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada had ini layak menerima zakat sehingga memenuhi tahap had kifayah tersebut.

Istilah had kifayah digunakan untuk mengukur kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkau persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Sulaiman et al., 2000).

Menurut Al-Fanjari, had kifayah merupakan tahap yang lebih tinggi berbanding *had al-kafaf* dalam kehidupan dan boleh bertambah serta berubah berdasarkan perubahan peringkat kemajuan mengikut sesuatu tempat dan zaman. Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *had al-kifayah* ialah *al-hajah al-asliyyah* (keperluan asas) menurut fuqaha' al-Hanafiyah (mazhab Hanafi) dan juga *had al-Ghina* (tahap kekayaan) (Sulaiman et al., 2000).

Kewajipan zakat diukur berdasarkan kepada had kifayah zakat pendapatan yang ditetapkan oleh pemerintah. Kaedah pengiraan had kifayah adalah berbeza mengikut wilayah pemerintahan di Malaysia. Setiap negeri mempunyai cara yang tersendiri bagi memilih golongan asnaf yang sangat memerlukan bantuan.

Bilangan penerima asnaf zakat terus meningkat saban tahun sehingga menggusar para pemerintah. Hal ini kerana objektif bantuan zakat adalah untuk menjadikan golongan asnaf keluar dari kelompok asnaf dan menjadi para muzakki iaitu pembayar zakat. Namun begitu, penetapan had kifayah yang dijalankan oleh pemerintah pada masa kini banyak memberi kesan kepada jumlah penerima golongan asnaf di wilayah tersebut sehingga berlakunya peningkatan yang konsisten saban tahun. Oleh itu, keperluan kepada penetapan had kifayah yang lebih sistematik dan berstruktur perlu dijalankan supaya ianya dapat mencapai objektif bantuan zakat. Maka,

kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kajian-kajian lepas serta menganalisis sorotan literatur dalam kaedah penetapan had kifayah yang telah dilaksanakan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada majalah, buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini. Kajian ini juga akan membuat perbandingan antara pendapat yang berbeza berkaitan kajian yang telah dijalankan serta membuat kesimpulan dan cadangan terhadap maklumat dan hasil kajian yang telah dijalankan.

TINJAUAN LITERATUR

Mohammad Idris bin Ramli (2012) dalam kajiannya membuat penilaian semula terhadap item-item tolakan yang sedia ada di Negeri Sembilan dan menetapkan kadar baharu bagi had kifayah zakat pendapatan. Kajian dibuat pada tahun 2012 iaitu sebelum perlaksanaan sistem percukaian ‘Cukai Barang dan Perkhidmatan’ (GST) oleh pihak kerajaan.

Ahmad Fahme et. al (2013) membuat perbandingan antara kemiskinan bandar dan luar bandar serta perbezaan jantina sebagai pembolehubah bergerak balas terhadap penetapan had kifayah agihan di Malaysia. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa satu penentuan had kifayah agihan baharu perlu dirangka mengikut keperluan semasa yang pelbagai dengan mengambil kira dasar Negara Maju 2020 nanti.

Kertas kerja bertajuk “*Haddul Kifayah: Its Comprehensiveness, Sufficiency and Currency in Meeting the Needs of the Asnaf Faqr and Asnaf Miskin*” telah dibentang oleh Khairuddin Abdul Rashid et. al (2015) di Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi, Universiti Malaysia Pahang. Kertas kerja ini menjalankan kajian perbandingan antara kadar had kifayah dan Indeks Garis Kemiskinan di negeri Selangor. Hasil kajian menyimpulkan bahawa kadar had kifayah agihan yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah lebih komprehensif berbanding Indeks Garis Kemiskinan.

Mansor bin Sulaiman (2015) telah membahaskan topik had kifayah melalui dimensi berbeza yang bertajuk ‘Pemilikan Kenderaan dan Penganggur Tiada Pekerjaan dalam Pengiraan Had Al-Kifayah: Suatu Penilaian’. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi. Pemilikan kenderaan dan pengangguran dilihat sebagai salah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam pengiraan had kifayah. Kertas kerja ini merumuskan bahawa kedua-dua aspek tersebut tidak boleh ditinggalkan dalam pengiraan had kifayah jika menepati syarat-syaratnya.

Mohamed Saladin Abdul Rasool et. al (2010) telah menjalankan kajian yang bertajuk “*Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institution: Non-Monetary Indicators*” menjelaskan bahawa tahap kemiskinan atau keberkesanan agihan zakat tidak boleh dinilai dengan pencapaian dari segi kebendaan sahaja tetapi perlu dilihat dari sudut yang lebih luas. Walaupun dalam penulisan beliau tidak disebut secara langsung mengenai had kifayah, namun penilaian terhadap kemiskinan secara langsung berkait rapat dengan konteks had kifayah. Ini adalah kerana had kifayah adalah satu instrumen yang mengukur kemampuan ekonomi masyarakat. Istilah lain yang digunakan dalam kertas kerja beliau adalah ‘*Islamic Poverty Index*’ (Indeks Kemiskinan Islam) yang merangkumi setiap aspek yang terkandung dalam *maqasid al-syariah*. Kertas kerja ini turut mencadangkan kaedah pengiraan baru bagi Indeks Kemiskinan Islam.

Kertas kerja oleh Sarah Athirah Saruchi et. al (2015) yang bertajuk ‘Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Prasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia’ dan kertas kerja oleh Nurul Afifah Hassan et. al (2015) yang bertajuk ‘Penentuan

Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)' memfokuskan kepada kajian had kifayah bagi penuntut UKM di peringkat prasiswazah dan siswazah. Ini jelas menunjukkan kajian had kifayah zakat pendapatan amat perlu dijalankan berdasarkan perubahan masa dan keadaan ekonomi di Malaysia.

Penulisan Ahmad Fahme Mohd Ali et. al (2015) bertajuk "*Determinations of a Muslim Household Poor in Kelantan, Base on Islamic Poverty Line Index (had kifayah)*" menunjukkan wujudnya perbezaan tahap kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar di negeri Kelantan. Beliau turut mencadangkan agar penetapan kadar dan pengiraan baharu bagi had kifayah yang menepati keperluan terkini golongan asnaf perlu dijalankan.

Manakala Azman Ab Rahman, Zulaikha Mokhtar, Nirlina, dan Mansur (2016) dalam "Analisa Item Dan Kadar Penolakan Had Kifayah Zakat Pendapatan Di Malaysia" mendapati terdapat sejumlah 16 jenis item penolakan yang ada di Malaysia namun hanya beberapa sahaja yang menetapkan kadar tolakan. Daripada jumlah tersebut, semua negeri bersetuju untuk menetapkan saraandiri, isteri, dan anak-anak sebagai item penolakan walaupun terdapat perbezaan pada tolakan bagi item-item tersebut.

Manakala, Azri Bhari et. al (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk "Had Kifayah Zakat di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan" telah membuat perbandingan jumlah had kifayah di 8 buah negeri melibatkan negeri Johor, Melaka, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Selangor, dan Wilayah Persekutuan. Perbandingan tersebut dibuat berasaskan kepada enam perbelanjaan asas yang digariskan oleh JAWHAR. Melalui, kajian tersebut amalan penetapan kadar had kifayah di Malaysia dapat dikaji dengan lebih mendalam.

Faisal Ashaari & Hasanah Khafidz (2016) pula merungkaikan permasalahan yang timbul dalam penetuan had kifayah zakat di negeri Selangor. Berdasarkan kajian tersebut, dapat disimpulkan setiap asnaf mempunyai masalah dan latar belakang yang berbeza serta tahap pemikiran yang berbeza. Hal tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi tahap keberkesanan penyelesaian dan bantuan yang diberikan kepada mereka.

Azman Ab Rahman (2016), dalam kajiannya yang bertajuk "Had Kifayah Zakat di Malaysia: Isu dan Cadangan", mencadangkan agar kajian berterusan terhadap had kifayah perlu dilakukan sekurang-kurangnya 3 tahun sekali berdasarkan kepada perubahan perubahan aspek ekonomi, sosial, dan sebagainya. Hal ini kerana, tidak mustahil dalam sesuatu masa dan tempat item hajiyyat boleh bertukar kepada item daruriyyat begitu juga dengan item tafsiniyyat.

Kajian Muhamad Syarif Omer & Mohd Sadad Mahmud (2019) dalam kajiannya yang bertajuk "Analisis Garis Panduan Agihan Zakat (Hadd Al-Kifayah) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)" mendapati terdapat satu jumlah perbezaan ketara antara hadd al-kifayah yang digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan konsep hadd al-kifayah yang dibina daripada elemen-elemen yang boleh diterima pakai sebagai elemen hadd al-kifayah dalam Indeks Harga Pengguna.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak perbincangan berkaitan dengan had kifayah yang dijalankan oleh beberapa negeri mengikut keperluan item masing-masing. Maka, keperluan dalam membangunkan standard item had kifayah baharu, sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Hal ini kerana keperluan dalam penetuan kadar had kifayah oleh beberapa negeri yang lebih bersistematik dan berstruktur menggunakan enam item asas had kifayah. Maka, kadar had kifayah yang diperoleh oleh beberapa negeri akan lebih standard dan berstruktur.

Bil.	Penulis	Perbincangan/ Hasil Kajian
1.	Mohammad Idris bin Ramli 2012	Keperluan dalam penilaian semula terhadap item-item tolakan yang sedia ada di Negeri Sembilan dan menetapkan kadar baharu bagi had kifayah zakat pendapatan.
2.	Ahmad Fahme et. al 2013	Terdapat perbandingan antara kemiskinan bandar dan luar bandar serta perbezaan jantina sebagai pembolehubah bergerak balas terhadap penetapan had kifayah agihan di Malaysia.
3.	Khairuddin Abdul Rashid et. al 2015	Kadar had kifayah agihan yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah lebih komprehensif berbanding Indeks Garis Kemiskinan.
4.	Mansor bin Sulaiman 2015	Pemilikan kenderaan dan pengangguran dilihat sebagai salah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam pengiraan had kifayah.
5.	Mohamed Saladin Abdul Rasool et. al 2010	Tahap kemiskinan atau keberkesanan agihan zakat tidak boleh dinilai dengan pencapaian dari segi kebendaan sahaja tetapi perlu dilihat dari sudut yang lebih luas.
6.	Sarah Athirah Saruchi et. al 2015; Nurul Afifah Hassan et. al 2015	Kajian had kifayah zakat pendapatan amat perlu dijalankan berdasarkan perubahan masa dan keadaan ekonomi di Malaysia walaupun hanyalah kajian had kifayah bagi penuntut UKM di peringkat prasiswazah dan siswazah.
7.	Ahmad Fahme Mohd Ali et. al 2015	Wujudnya perbezaan tahap kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar di negeri Kelantan.
8.	Azman Ab Rahman, et. al 2016	Terdapat sejumlah 16 jenis item penolakan yang ada di Malaysia namun hanya beberapa sahaja yang menetapkan kadar tolakan. Daripada jumlah tersebut, semua negeri bersetuju untuk menetapkan saraan diri, isteri, dan anak-anak sebagai item penolakan walaupun terdapat perbezaan pada tolakan bagi item-item tersebut.
9.	Azri Bhari et. al 2016	Terdapat perbezaan kadar had kifayah setelah membuat perbandingan jumlah had kifayah di 8 buah negeri melibatkan negeri Johor, Melaka, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Selangor, dan Wilayah Persekutuan. Perbandingan tersebut dibuat berdasarkan kepada enam perbelanjaan asas yang digariskan oleh JAWHAR.
10.	Faisal Ashaari et. al 2016	Setiap asnaf mempunyai masalah dan latar belakang yang berbeza serta tahap pemikiran yang berbeza. Hal tersebut dapat mempengaruhi tahap keberkesanan penyelesaian dan bantuan yang diberikan kepada mereka.
11.	Azman Ab Rahman 2016	Mencadangkan agar kajian berterusan terhadap had kifayah perlu dilakukan sekurang-kurangnya 3 tahun sekali berdasarkan kepada perubahan perubahan aspek ekonomi, sosial, dan sebagainya. Hal ini kerana, tidak mustahil dalam sesuatu masa dan tempat item hajiyah boleh bertukar kepada item daruriyyat begitu juga dengan item tahnisiyyat.

-
12. Muhamad Syarif Omer et. al 2019 Terdapat satu jumlah perbezaan ketara antara hadd al-kifayah yang digunakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan konsep hadd al-kifayah yang dibina daripada elemen-elemen yang boleh diterima pakai sebagai elemen had al-kifayah dalam Indeks Harga Pengguna.
-

Sumber: Pengkaji 2019

PENUTUP

Had kifayah merupakan suatu penetapan kadar kemampuan seseorang sama ada layak sebagai muzakki (pembayar zakat) atau golongan asnaf (penerima zakat). Namun begitu, penetapan had kifayah yang dijalankan oleh pemerintah pada masa kini banyak memberi kesan kepada jumlah penerima golongan asnaf di wilayah tersebut sehingga berlakunya peningkatan yang konsisten saban tahun. Oleh itu, had kifayah yang diamalkan sekarang perlu dikemaskini seperti menggunakan enam item asas had kifayah sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin termasuk pembayar zakat. Hal ini bagi memastikan suatu penyelarasan dalam menentukan had kifayah seseorang serta mampu mengetahui kadar had kifayah yang lebih sistematik dan berstruktur oleh beberapa negeri di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Fahme bin Mohd Ali dan Mohd Faisol (2015). “Determinations of a Muslim Household Poor in Kelantan, Base on Islamic Poverty Line Index (Had Kifayah)”. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Zakat Kebangsaan* anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 6-7 Oktober 2015.
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz dan Fuadah Johari (2013). “Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Wanita di Malaysia: Sorotan Literatur”. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Sistem Ekonomi Islam (iECONS 2013)* anjuran Fakulti Ekonomi Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 4-5 September 2013.
- Al-Imam, Muslim. (penterjemah – Ma’Mur Daud). (2005). *Terjemah Hadis Shahih Muslim*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Azman Ab Rahman (2016). *Had Kifayah Zakat di Malaysia: Isu dan Cadangan*. Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia. Nilai: Penerbit: USIM.
- Azman Ab Rahman, Norlina Ismail, Siti Zulaikha Mokhtar dan Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin (2016). *Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Azri Bhari, Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani, Rafeah Saidon, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah & Mohd Solahuddin Shahruddin (2018). *Had Kifayah (Zakat Poverty Line) in Malaysia: A Comparative Analysis*. Shah Alam: Penerbit Academy of Islamic Studies Contemporary (ACIS), Universiti Teknologi MARA
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Zakat Gaji Beserta Kadarnya*. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-beserta-kadarnya>. Diakses pada 4 Oktober 2015
- Khairuddin Abdul Rashid; Sharina Farihah Hasan; Azila Ahmad Sarkawi (2015). “Haddul Kifayah: Its Comprehensiveness, Sufficiency and Currency in Meeting with the Needs of the Asnaf Faqr and Asnaf Miskin”. Kertas kerja dibentangkan di *Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi (NCOZ 2015)* anjuran Universiti Malaysia Pahang di Hotel MS Garden, Kuantan pada 1 Jun 2015.
- Mansor bin Sulaiman (2015). “Pemilikan Kenderaan dan Penganggur/Tiada Pekerjaan dalam Penetapan Had Al-Kifayah: Suatu Penilaian”. Kertas kerja dibentangkan di *Persidangan*

Zakat dalam Pembangunan Ekonomi (NCOZ 2015) anjuran Universiti Malaysia Pahang di Hotel MS Garden, Kuantan pada 1 Jun 2015.

Mohamad Idris bin Ramli (2012). *Had Kifayah Zakat Pendapatan: Satu Penilaian Semula di Negeri Sembilan*. Bangi: Selangor. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Saladin Abdul Rasool, Ariffin Mohd Salleh dan Mohd Fauzi Mohd Harun (2010). “Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: Non-Monetary Indicators”. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Pengurusan Pembangunan Islam (IDMAC 2010)* anjuran Universiti Sains Malaysia di Dewan Seminar Universiti, USM pada 21-22 September 2010.

Mohamed Saladin Abdul Rasool, Ariffin Mohd Salleh dan Mohd Fauzi Mohd Harun (2010). “Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: Non-Monetary Indicators”. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Pengurusan Pembangunan Islam (IDMAC 2010)* anjuran Universiti Sains Malaysia di Dewan Seminar Universiti, USM pada 21-22 September 2010.

Muhamad Faisal Ashaari & Hasanah Abd Khafidz (2016). *Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia* Bangi: Selangor. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Syarif Omer & Mohd Sadad Mahmud (2019). *Analisis Garis Panduan Zakat (Hadd Al-Kifayah) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Nilai: Penerbit: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM.

Sarah Athirah Saaruchi, Aisyah Abdul Rahman dan Hairunnizam Wahid. (2015). “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia”. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Zakat Kebangsaan anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 6-7 Oktober 2015.

Sulaiman, M., Ahmad, H., Ikmal Hisham, A. I., Md Nordin, N., & Ramli, S. (2000). *Had Al-Kifayah di Kalangan Masayarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia*. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah (Musnad 2): Realiti dan Cabaran*, 3-4 July 2013, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (pp. 1-14).